

Galak belia sertai sektor pembinaan

Laporan Statistik Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan kadar pengangguran seramai 768,700 orang pada Jun 2021 kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan banyak sektor tidak dapat beroperasi.

Sebagai antara cara boleh dipertimbangkan untuk mengurangkan kadar pengangguran adalah dengan menggalakkan rakyat terutama belia menyertai sektor pembinaan sebagai tenaga mahir.

Berbanding sektor lain terpaksa menutup operasi ketika PKP 3.0, sektor pembinaan masih boleh beroperasi seperti biasa terutama membabitkan projek infrastruktur rel nasional seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (PLBEGJB), Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) laluan Shah Alam dan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya.

Tanggapan sektor pembinaan sebagai pekerjaan kelas kedua, bergaji rendah dan hanya membabitkan kerja buruh kasar semata-mata perlu diubah.

Ramai pekerja tempatan terbabit dalam sektor dikelaskan 3D, iaitu kotor, bahaya dan sukar ini sebagai pekerja mahir bidang kimpalan, elektrikal dan mekanikal, operator kren dan jentera berat, pemasang komponen sistem binaan berindustri (IBS) serta penyelia keselamatan tapak bina.

Tenaga kerja tempatan terbabit dalam pembinaan terowong projek MRT Laluan Kajang dan Laluan Putrajaya misalnya memperoleh gaji setimpal dengan kemahiran tinggi dimiliki hasil latihan di Akademi Latihan Terowong (TTA).

Kerajaan sebenarnya melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menarik minat penyertaan rakyat menyertai sektor pembinaan terutama membantu mereka hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 seperti Program Perantisan Industri Pembinaan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Begini juga skim MyJob@WilayahPrihatin oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui kerjasama dengan syarikat pemaju di Kuala Lumpur bagi menempatkan graduan menganggur di syarikat pemaju di ibu kota.

Kerajaan Johor melalui Johor Centre for Construction Development (JCDD) pula memperkenalkan Skim Kerja Harian (SKH) secara one-time kepada rakyat Johor kehilangan pekerjaan akibat pandemik untuk bekerja di sektor pembinaan.

Program bermanfaat seperti ini wajar diteruskan dalam perancangan Belanjawan 2022. Tawarkan kemudahan insentif kepada pihak majikan di sektor ini supaya mengambil pekerja tempatan terutama daripada golongan B40.

Promosi mengenai prospek kerjaya dalam sektor pembinaan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak dapat menyambung pengajian ke peringkat pengajian tinggi juga perlu diperhebat, selain membuka cawangan baharu Akademi Binaan Malaysia (ABM) di setiap negeri bagi meningkatkan bilangan pelatih setiap tahun.

M Faisal, Kuala Lumpur

<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/10/873765/galak-belia-sertai-sektor-pembinaan>